



KENYATAAN / SIARAN AKHBAR

Bahagian Komunikasi Korporat
Perbadanan Putrajaya
Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8881 1088

OPERASI PEMERIKSAAN PREMIS MAKANAN DI PUTRAJAYA

PUTRAJAYA, 19 Ogos 2019: Perbadanan Putrajaya (PPj) hari ini melancarkan operasi bersepadu pemeriksaan premis makanan di kawasan komersial Nadi 15, Presint 15 diketuai oleh Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), YBhg. Datuk Dr. Aminuddin Bin Hassim.

Turut serta dalam operasi ini adalah Naib Presiden Kanan, YBhg. Dato' Omairi Hashim, Naib Presiden Jabatan Perkhidmatan Bandar PPj, Datuk Azizi bin Haji Ahmad Termizi dan Penolong Pengarah Bahagian Kesihatan Persekutaran PPj, Encik Azman Ahmad.

Operasi bersepadu ini diadakan bagi memeriksa tahap kebersihan premis, mengenal pasti struktur tambahan atau ubahsuai pada premis tanpa kebenaran, halangan di kaki lima, pembuangan sisa makanan ke dalam sistem perlumbahan atau perparitan dan tempoh sah laku lesen premis perniagaan.

Operasi ini melibatkan kekuatan anggota seramai 30 orang yang terdiri daripada Bahagian Kesihatan Persekutaran, Bahagian Penguatkuasa, Bahagian Komersil, Pembangunan Perniagaan & Pelesenan, Bahagian Alam Sekitar, Tasik & Wetland dan Bahagian Senibina & Inspektorat Bangunan dan Jabatan Undang-undang.

Operasi bermula dari jam 2.30 petang hingga 4.30 petang. Sebanyak enam (6) buah premis makanan telah diperiksa di bawah peruntukan Undang-undang Kecil Pelesenan Petempatan Makanan (Wilayah Persekutuan Putrajaya) 2016 dan Akta Makanan 1983.

Pada tahun 2019, sebanyak **120 premis telah diberikan penggredan ‘A’ manakala sebanyak 100 premis telah diberi penggredan ‘B’ sepanjang Januari hingga Julai 2019.** PPj telah mengeluarkan sebanyak **69 kompaun dan 11 notis amaran.**

Hasil dari operasi dan pemeriksaan berkala oleh Bahagian Kesihatan Persekutaran Perbadanan Putrajaya, peratusan premis makanan yang mendapat gred ‘C’ dan diarahkan tutup sehingga ke hari ini telah menurun kepada 1 premis sahaja berbanding 11 premis bagi sepanjang tahun 2018.

PPj sentiasa mengadakan kempen dan pemeriksaan premis makanan dari semasa ke semasa untuk memastikan standard premis makanan di Putrajaya ini sentiasa berada pada tahap yang memuaskan dan mematuhi peraturan sedia ada. Orang ramai disaran menggunakan kuasa pengguna mereka agar tidak mengunjungi premis-premis yang kotor dan melaporkan aduan premis kotor ke Perbadanan Putrajaya.

Untuk keterangan lanjut berhubung operasi pemeriksaan premis makanan di Putrajaya, sila hubungi **Mohd Fairus Bin Mohd Padzil**, Pegawai Media Bahagian Komunikasi Korporat di talian **03-88877347/019-3354346** atau e-mel kepada m.fairus@ppj.gov.my.

Disediakan oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat
Perbadanan Putrajaya

Tarikh: Ogos 2019